

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

A million teens trying to cope

Action plan will help youngsters deal with mental health issues

WITH close to a million teenagers and youths suffering from mental health issues, a comprehensive action plan will be implemented next year to address issues that are affecting many young Malaysians, says Datuk Lukanisman Awang Sauni.

The deputy Health Minister said records indicate that the number of young Malaysians facing mental health issues, including depression, had increased two-fold from 2019 to 2023.

"Based on the recent National Health and Morbidity Survey (NHMS) report, mental health issues affecting teenagers and youths in schools and universities have increased from 7.9% or 424,000 in 2019 to 16.5% or 922,318 in 2023.

"That is why it is necessary to have a comprehensive action plan in place to deal with the issue," he said in response to a question raised by Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang).

Lukanisman said the ministry is developing a Children and Youth Mental Health Action Plan, which is expected to be launched next year. He said incidents of attempted suicide and suicidal thoughts among youths had also increased over a 10-year period.

"Suicidal thoughts among youths increased from 7.9% to 13.1% between 2012 and 2022.



In session: Lukanisman speaking in Parliament, addressing mental health issues including depression that are affecting many young Malaysians today. — Bernama

Youths who made suicide plans also increased from 6.42% to 10%," he added.

Lukanisman said that youths who had attempted suicide or were in the process of doing so had also increased from 6.81% to 9.5% in the same period.

Syed Ibrahim then suggested that the ministry take a more innovative outreach approach when dealing with mental health issues affecting youths, as many are relying on devices and social media nowadays.

He also suggested that the min-

istry provide a targeted budget to deal with the issue at the community level, as done by countries like Peru and New Zealand.

To a supplementary question by Dr Halimah Ali (PN-Kapar), Lukanisman said there were several factors linked to the increase in mental health issues among youths.

"One of the factors is how homes are designed and urban planning involving high-density housing, such as PPR housing (People Housing Programme).

"Suicide is more prevalent in

such communities as it gives rise to suicidal thoughts among the youths living there," he said.

As such, Lukisman said his ministry is working closely with the Housing and Local Government Ministry to develop PPR housing that is more conducive to mental health.

"Mental health is a crucial segment of society, and investment in it is important to ensuring the nation's productivity. If we allow our youths to face mental health issues on their own, the country will face a huge problem in the future," he said.

Earlier, Lukanisman informed the House that the ministry has 1,088 health clinics, 68 hospitals and 37 community mental health centres providing access to those requiring help for mental health issues.

There are 200 physiological officers based in districts and health clinics. The ministry currently employs 18 child psychiatrist specialists, with plans to increase that to 30 by 2027.

To a supplementary question by Tan Kar Hing (PH-Gopeng), Lukanisman urged bullying victims at Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) to come forward for counselling, adding that mental health screenings should also be carried out on students at UPNM.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Sidang Dewan Rakyat

Pelan tangani kesihatan mental kanak-kanak, remaja dilancar 2025

KKM usaha atasi peningkatan kes dengan kerjasama WHO, UNICEF

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan melancarkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja, tahun depan dalam usaha mengatasi peningkatan kes kesihatan mental yang mencatatkan peningkatan dua kali ganda dalam tempoh 2019 hingga 2023.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni, berkata pelan tindakan itu dibangunkan dengan kerjasama

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF).

"Bagi menangani masalah mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, KKM sudah mengambil pelbagai inisiatif, antaranya mewujudkan Pusat Kecemerlangan dan Kesihatan Mental Kebangsaan dan (dalam proses) membangunkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental-Kanak-Kanak dan Remaja.

"Kita jangka pelan ini akan dilancarkan pada tahun depan," katanya ketika menjawab soalan tambahan Dr Halimah Ali (PN-Kapar) ketika sesi soaljawab lisan di Parlimen, semalam.

Terdahulu, beliau menjawab



Lukanisman

soalan asal Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Le-dang) yang ingin tahu statistik isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa.

Lukanisman yang juga Ahli Parlimen Sibuti berkata, berdasarkan Laporan Tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS), masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja dan belia menunjukkan peningkatan mendadak bagi tempoh 2019 hingga 2023.

"Kes membabitkan kanak-kanak, remaja dan belia menunjukkan peningkatan daripada 7.9 peratus iaitu 424,000 orang pada 2019 kepada 16.5 peratus atau 922,318 orang pada 2023.

"Ini menunjukkan peningkatan dua kali ganda dan angka

yang amat tinggi, sekali gus terdapat keperluan untuk KKM mewujudkan satu pelan komprehensif yang memberi tumpuan kepada langkah pencegahan, rawatan dan kesihatan," katanya.

Kes bunuh diri meningkat

Mengulas lanjut, katanya, dapatan NHMS turut menunjukkan berlaku peningkatan dalam kes berkaitan bunuh diri dalam tempoh 10 tahun.

"Pertama, berlaku peningkatan prevalen idea bunuh diri yang meningkat daripada 7.9 peratus pada 2012 kepada 13.1 peratus pada 2022.

"Kedua, pelan bunuh diri meningkat daripada 6.4 peratus pada 2012 kepada 10.0 peratus pada 2022 dan ketiga, peningkatan cubaan bunuh diri daripada 6.8 peratus pada 2012 kepada 9.5 peratus pada 2022," katanya.

Sementara itu, Lukanisman tu-

rut menjelaskan, berdasarkan kajian KKM, masalah kesihatan mental dipengaruhi pelbagai faktor.

"Sebagai contoh, (masalah mental) antaranya, dipengaruhi sudut reka bentuk dan juga pelaksanaan pembangunan bandar.

"Kepadatan penduduk turut menyumbang kepada isu ini. Sebagai contoh, prevalen bunuh diri dalam kalangan masyarakat khususnya remaja di kawasan perumahan padat lebih ramai.

"Sehubungan itu, kita berharap akan dapat jalankan satu kerjasama baik misalnya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membangunkan satu (model) perumahan yang sihat," katanya.

Antara lain, katanya, KKM turut berusaha meningkatkan bilangan pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja kepada 30 orang menjelang 2027 dengan jumlah ketika ini adalah 18 orang.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Masalah kesihatan mental naik dua kali ganda

Laporan NHMS terhadap
kanak-kanak, remaja
dan belia di negara ini

Oleh **RAIHAM MOHD SANUSI**
KUALA LUMPUR

Masalah kesihatan mental melibatkan kanak-kanak, remaja dan belia di negara ini menunjukkan peningkatan dua kali ganda berdasarkan Laporan Tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, mengikut laporan itu, masalah mental mencatatkan kenaikan daripada 7.9 peratus iaitu 424,000 orang pada 2019 kepada 16.5 peratus (922,318 orang) pada tahun lalu.

"Ini bermaksud peningkatan sebanyak dua kali ganda berdasarkan maklumat yang kita perolehi melalui NHMS.

"Selain itu dapatan NHMS turut menunjukkan peningkatan *prevalen* tingkah laku bunuh diri dalam tempoh 10 tahun di kalangan remaja," katanya dalam waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat di sini, pada Rabu.



LUKANISMAN

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang)** yang meminta menteri kesihatan menyatakan secara terperinci statistik isu kesihatan mental melibatkan pelajar sekolah dan mahasiswa institusi pengajian tinggi.

Lukanisman mendedahkan, idea bunuh diri dalam kalangan remaja menunjukkan peningkatan daripada 7.9 peratus pada 2012 kepada 13.1 peratus pada 2022.

"Pelan atau rancangan bunuh diri meningkat daripada 6.4 peratus pada 2012 kepada 10 peratus pada 2022.

"Peningkatan cubaan bunuh diri juga direkodkan daripada 6.8 peratus pada 2012 kepada 9.5 peratus pada 2022," jelasnya.

Beliau berkata, bagi menangani isu masalah mental berkenaan, Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil inisiatif mewujudkan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan dan membangunkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja.

Menurutnya, pelan tersebut yang dibangunkan dengan kerjasama dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tabung Kecemasan Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dijangka dilancarkan menjelang tahun hadapan.

KKM juga menyediakan perkhidmatan talian bantuan krisis kesihatan mental iaitu Talian HEAL 15555 (Help with Empathy and Love).

"KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan mental yang boleh diakses di 1,088 klinik kesihatan, 68 hospital dan 37 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) dan penempatan 200 Pegawai Psikologi (Kaunseling) Contract For Service (CFS) di daerah dan klinik kesihatan," ujarnya.

AKHBAR : THE SUN DAILY
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

'Health officers not empowered to detain individuals'

PUTRAJAYA: Authorised officers under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342) are not empowered to arrest or detain individuals with infectious diseases, contrary to claims by some parties, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He clarified that the role and duties of authorised officers are limited to the prevention and control of infectious diseases, including investigating and obtaining accurate information about specific illnesses.

"This is a misunderstanding and

misconception that has been circulated, with some alleging that authorised officers and the Health Ministry have powers of detention.

"There is no detention involved at all. It is isolation to break the chain of disease transmission, ensuring public health and the well-being of the patient," he said at a special press conference on Act 342 on Tuesday.

Dzulkefly further explained that the officers do not have full powers under the Criminal Procedure Code but may request assistance from police, the Immigration Department or other

security personnel when necessary, particularly in cases where they face threats or aggression.

An authorised officer refers to any health officer, environmental health officer or officer appointed by the minister under Section 3 of Act 342.

There has been a misunderstanding among some quarters interpreting the term "detained" by an authorised officer as referring to police custody or detention under the Security Offences (Special Measures) Act 2012, leading to public concern.

Dzulkefly said these officers are

empowered to investigate and obtain information regarding diseases, travel history and close contacts, as well as issue directives for individuals suspected of being infected to undergo isolation and monitoring at locations deemed appropriate, which are not limited to quarantine stations or hospitals.

On Oct 14, Parliament passed amendments to Act 342 to enhance the nation's preparedness in addressing infectious disease threats.

The amendments were unanimously passed by the Dewan

Negara on Dec 2 and are expected to be gazetted by the first quarter of next year.

Dzulkefly further said the powers of the Health director-general (DG) under the Act are solely focused on measures required to prevent and control infectious diseases.

"However, any actions or directives issued by the DG are entirely subject to the discretion of the Health Minister. The minister holds the authority to cancel, amend or adjust the DG's directives to align with national public health policies and strategies," he said.
— Bernama

AKHBAR : THE SUN DAILY

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATIONAL

Surge in mental health issues among students

► Govt drafting action plan in collaboration with WHO and Unicef for launch next year, says deputy minister

KUALA LUMPUR: Mental health issues among students in schools and higher learning institutions have seen a two-fold increase in 2023, said Health Deputy Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni.

He said to address the issue, the Health Ministry is in the process of drafting a mental health action plan for children and teenagers in collaboration with the World Health Organisation (WHO) and the United Nations Children's Fund (Unicef), slated for launch next year.

"According to a National Health Morbidity Survey (NHMS) report, the prevalence of mental health problems in this demographic has surged significantly from 7.9%, or 424,000 individuals in 2019 to 16.5%, or 922,318 individuals in 2023.

"Furthermore, the NHMS highlighted an alarming rise in suicidal behaviour over the past decade. Suicidal ideation increased from 7.9% in 2012 to 13.1% in 2022, suicide plans

rose from 6.4% in 2012 to 10% in 2022 and suicide attempts escalated from 6.8% in 2012 to 9.5% in 2022," he said in the Dewan Rakyat yesterday.

He was responding to a question from Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang) regarding statistics on mental health issues affecting students in schools and higher learning institutions as well as the evidence-based policy approach adopted by the ministry to address the issue.

Lukanisman highlighted several mitigation measures, including the *Minda Sihat Sekolah* programme, a collaboration between the health and education ministries, which has been implemented in 2,456 secondary schools and 7,776 primary schools nationwide.

"In addition, the Health Ministry provides mental health services at 1,088 health clinics, 68 hospitals and 37 community mental health centres.

"The ministry has also deployed 200

contracts for service psychology officers in districts and health clinics across the country."

He said the ministry is working to increase the number of child and adolescent psychiatrists to 30 by 2027, up from the current 18 at the ministry's hospitals.

In response to a supplementary question from Dr Halimah Ali (PN-Kapar) on a potential link between the use of e-cigarettes or vaping and mental health problems, he said a detailed study on the matter is underway.

In response to a question from Tan Kar Hing (PH-Gopeng) on initiatives to support individuals psychologically affected by bullying, Lukanisman said the ministry is prepared to offer counselling and psychosocial support services.

He emphasised the importance of encouraging universities and the Higher Education Ministry to regularly conduct mental health screenings, Bernama reported.

"We already have the *MySejahtera* app, which allows for easy health screenings with just one click. The app provides instructions and enables interaction to offer assistance."

"Through the HEAL Line 15555, we receive hundreds of thousands of calls, with nearly 62% being requests for support."

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Kes babit pelajar sekolah, IPT serta idea bunuh diri makin meningkat 'Hampir sejuta sakit mental'

DEWAN
RAKYAT

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) meningkat daripada 424,000 pada 2019 kepada 922,318 orang pada 2023.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, data menerusi Laporan Tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) itu melibatkan kumpulan umur kanak-kanak, remaja dan belia.

"Dapatan NHMS turut menunjukkan peningkatan prevalen tingkah laku bunuh diri dalam tempoh 10 tahun di mana idea bunuh diri dalam kalangan remaja meningkat daripada 7.9 peratus pada 2012 kepada 13.1 peratus pada 2022.

"Pelan bunuh diri meningkat daripada 6.4 peratus pada 2012 kepada 10 peratus pada 2022 dan peningkatan cubaan bunuh diri juga turut direkodkan daripada 6.8 peratus pada 2012 kepada 9.5 peratus pada 2022," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Bagaimanapun, Lukanisman tidak menyatakan jumlah keseluruhan prevalen tingkah laku bunuh diri pada tahun-tahun



PREVALEN bunuh diri dalam kalangan pelajar sekolah dan IPT makin meningkat dalam tempoh 10 tahun bermula 2012 sehingga 2022. – GAMBAR HIASAN

tersebut.

Beliau menjawab pertanyaan Syed Ibrahim Syed Noh (**PH-Ledang**) mengenai statistik isu kesihatan mental melibatkan pelajar sekolah dan IPT serta pendekatan kerajaan untuk menanganinya.

Lukanisman berkata, bagi menangani isu tersebut, Kementerian Kesihatan (KKM) mewujudkan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan dan membangunkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja.

Katanya, KKM turut menyedi-

akan perkhidmatan talian bantuan krisis kesihatan mental **Talian HEAL 15555** dan melaksanakan Program Minda Sihat Sekolah di 2,456 sekolah menengah dan 7,776 sekolah rendah.

Jelasnya, KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan mental yang boleh diakses di 1,088 Klinik Kesihatan, 68 hospital dan 37 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) serta penempatan 200 pegawai psikologi di daerah dan klinik kesihatan.

"KKM juga berusaha meningkatkan bilangan pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja kepada

30 orang menjelang tahun 2027. Sehingga kini, terdapat 18 pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja di hospital KKM," katanya.

Kata beliau, langkah lain adalah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan seperti Hari Belia Negara dan Program Siswa Sihat (Prosis) iaitu kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Jelas beliau, kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dalam pelaksanaan aktiviti advokasi kesihatan mental di peringkat komuniti turut dilaksanakan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Insurans: Ahli Parlimen minta BNM, KKM campur tangan

Oleh ARIF AIMAN ASROL DAN
NURUL IRDINA SUMALI
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen meminta Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kesihatan (KKM) campur tangan ke atas syarikat insurans yang didakwa menaikkan premium insurans perubatan sehingga 70 peratus tahun hadapan.

Lim Guan Eng (PH-Bagan) berkata, tindakan syarikat insurans yang didakwa mengambil kesempatan kepada rakyat jelas menyalahi etika sedangkan industri insurans dilaporkan mengaut keuntungan tinggi separuh tahun pertama tahun ini.

"Tindakan syarikat insurans nyawa menaikkan premium insurans perubatan antara 40

hingga 70 peratus sememangnya tidak bermoral dan beretika.

"Mereka sudah untung banyak tetapi masih mahu keuntungan yang lebih tinggi. Mengikut Bank Negara, keuntungan pendapatan secara keseluruhan syarikat insurans nyawa dan dana takaful keluarga adalah lebih tinggi untuk separuh tahun pertama 2024 iaitu RM8.4 bilion berbanding separuh tahun kedua 2023, iaitu sebanyak RM3.2 bilion.

"Jadi BNM dan KKM harus campur tangan dan mengatasi kos perubatan hospital swasta yang kian meningkat sehingga ia dijadikan alasan kenaikan premium insurans perubatan," katanya ketika sesi perbincangan Rang Undang-Undang Kewangan 2024 di Dewan Rakyat, semalam.

Perkara itu turut dibang-

kitkan lima Ahli Parlimen Keadilan iaitu Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru), Jimmy Puah (PH-Tebrau), Taufiq Johari (PH-Sungai Petani), Yuneswaran (PH-Segamat) dan Chiw Choon Mun (PH-Miri).

Mereka memohon siasatan dan penelitian semula terhadap syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO) di negara ini yang didakwa tidak bersikap adil iaitu bukan sahaja menaikkan premium insurans secara mendadak, malah perlindungan diberikan tidak setimpal dengan kadar dikenakan.

Akhbar ini minggu lalu melaporkan rungutan orang ramai mengenai kenaikan premium insurans yang dikuatiri boleh menjejaskan perbelanjaan mereka kerana kenaikan yang terlalu tinggi.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Tiada perubahan serta-merta kadar premium perubatan - LIAM

KUALA LUMPUR - Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) memaklumkan tiada perubahan serta-merta kepada pelarasan kadar premium insurans kesihatan dan takaful (MHIT) sebanyak 40 hingga 70 peratus.

LIAM dalam satu kenyataan menjelaskan, perbincangan dengan Bank Negara Malaysia (BNM) sedang dijalankan untuk meneroka langkah-langkah meringankan beban pemegang polisi berikutan peningkatan dalam tuntutan yang tidak pernah berlaku sebelum ini sejak beberapa tahun lepas.

"Sepanjang tempoh 2021 hingga 2023, inflasi kos tuntutan perubatan terkumpul yang belum pernah berlaku sebelum ini iaitu sebanyak 56 peratus menyebabkan banyak penanggung insurans dalam kedudukan kritikal pada buku perniagaan perubatan, mereka perlu menguruskan nisbah tuntutan yang tinggi berbanding premium.

"Kenaikan kos penjagaan di hospital swasta serta pe-

ningkatan mendadak dalam bilangan pemegang polisi yang mendapatkan rawatan telah mendorong tuntutan dan premium," katanya.

Buku perniagaan perubatan adalah pangkalan data atau buku menyenaraikan semua polisi insurans yang telah dikeluarkan oleh syarikat insurans.

Persatuan itu berkata, dalam tempoh itu, penanggung insurans telah terlibat secara proaktif dengan pelanggan mereka untuk mengurus kesan penetapan semula harga dan menawarkan pelbagai pilihan untuk memastikan kesinambungan polisi dan kemampuan.

Ia juga menyatakan bahawa industri insurans hayat telah bekerjasama secara aktif dengan BNM, Kementerian Kesihatan dan Persatuan Hospital Swasta Malaysia untuk membangunkan strategi jangka panjang untuk menangani kesan kewangan kenaikan kos dan tuntutan perubatan.

Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kesihatan mental libat murid, belia meningkat 8.6%

KUALA LUMPUR: Masalah kesihatan mental dalam kalangan murid sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang melibatkan kumpulan umur kanak-kanak, remaja dan belia meningkat kepada 16.5 peratus pada tahun 2023.

Menerusi statistik yang dikeluarkan Tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS), pada tahun 2019, kadar masalah kesihatan mental melibatkan golongan belia itu adalah sebanyak 7.9 peratus (424, 000 orang) dan meningkat kepada 16.5 peratus (922, 318 orang) pada tahun 2023.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang berkata, menerusi statistik itu juga, prevalen tingkah laku bunuh diri juga meningkat dalam tempoh 10 tahun di mana perkara itu dilihat sangat membimbangkan.

“Kadar remaja yang mempunyai idea untuk membunuh

diri meningkat daripada 7.9 peratus pada tahun 2012 kepada 13.1 peratus pada 2022.

“Selain itu, kadar remaja yang mempunyai pelan untuk membunuh diri juga meningkat daripada 6.4 peratus pada 2012 kepada 10 peratus pada 2022.

“Lebih membimbangkan, statistik cubaan bunuh diri turut menunjukkan peningkatan, iaitu daripada 6.8 peratus pada tahun 2012 kepada 9.5 peratus pada tahun 2022,” katanya semasa sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Syed Ibrahim Syed Noh (PH-LEDANG) yang meminta Menteri Kesihatan menyatakan secara terperinci berkenaan statistik isu kesihatan mental melibatkan pelajar sekolah dan mahasiswa IPTi dan pendekatan polisi dalam menangani isu ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Pakar psikiatri kanak-kanak kena penjara lebih 8 tahun

Dublin: Seorang pakar psikiatri kanak-kanak warga Malaysia semalam dipenjarakan lapan tahun enam bulan kelmarin, selepas disabitkan kesalahan menjalankan aktiviti pengantunan seksual (child grooming) serta mendera remaja perempuan.

Amirul Arif Mohd Yunus, 38, yang beralamat di Hollystown, Dublin 15, bekerja di Pusat Perkhidmatan Kesihatan Mental Kanak-kanak dan Remaja (CAMHS) di Clonskeagh, Dublin, ketika kesalahan itu dilakukan tahun lalu.

Mangsa bukan pesakitnya secara rasmi, tetapi Amirul Arif diminta ibu bapa kanak-kanak yang mengenalinya untuk membantu melihat serta merawat anak mereka yang mengalami kesihatan mental.

Ketika kejadian, gadis berkenaan berumur antara 15 hingga 16 tahun dan kali terakhir berlaku pada September tahun lalu.

Amirul Arif mengaku bersalah atas enam pertuduhan termasuk melakukan perbuatan seksual dengan kanak-kanak bawah 17 tahun, pertuduhan eksploitasi seksual kanak-kanak dan satu pertuduhan bertemu kanak-kanak bagi tujuan eksploitasi seksual.

Dia tidak mempunyai rekod kesalahan dan sudah berada dalam tahanan berkaitan kesalahan itu sejak 14 bulan lalu.

Mahkamah memberitahu remaja itu kini berusia 17 tahun sedang mengalami tekanan mental yang ketara secara berterusan.

Penderaan bermula dengan sentuhan yang tidak wajar, sebelum meningkat kepada seks oral.

Kesalahan itu berlaku di beberapa lokasi termasuk di dalam kereta, rumah pelaku, rumah mangsa dan di tempat kerjanya.

Dalam kenyataan mangsa yang dibacakan di mahkamah oleh peguam pendakwa Derek Cooney BL, remaja itu berkata, penderaan yang dialaminya meninggalkan "trauma yang menyakitkan dan serius".

AGENSI

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : RENCANA

Mikroplastik pasca banjir rosak marin, 'pembunuh senyap' manusia

● Pengurusan sisa plastik tidak berkesan menimbulkan ancaman besar kepada Malaysia, meletakkan negara dalam kalangan 10 negara teratas di dunia menghadapi isu ini

● Strategi mitigasi perlu memberi tumpuan kepada menambah baik pengurusan sisa dan mengurangkan pencemaran plastik di saluran utama seperti sistem perparitan



Oleh Dr Nurul Fariha Lokman
dan Dr Suzana Ramli
bhrencana@bh.com.my



Pensiyyarah Kanan,
Koley Pengajian
Kejuruteraan UTM

Musim tengkujuh melanda Semenanjung ketika ini menyebabkan hampir semua negeri dilanda banjir besar. Kelantan dan Terengganu antara negeri mengalami bah terburuk tahun ini.

Bencana banjir turut hadir bersamanya pelbagai isu termasuk pencemaran. Dalam isu ini, pencemaran mikroplastik akibat banjir semakin meningkat sekali gus menimbulkan kebimbangan kerana merosakkan alam sekitar.

Pada 2020, kajian Universiti Malaya mendapati sejumlah besar mikroplastik di Sungai Klang dan perairan sekitar pantai adalah disebabkan banjir besar memburukkan lagi isu pencemaran marin.

Dengan rekod kejadian banjir besar selalu berlaku terutama pada musim Monsun Timur Laut, penting bagi masyarakat dan pihak berkuasa membuat persediaan lebih rapi.

Bahan pencemar plastik seperti beg plastik, puntung rokok dan botol, sering menyekat sistem saliran di Malaysia. Usaha berterusan seperti membersihkan longkang dan saluran hujan boleh mengurangkan banjir dan meningkatkan kelancaran aliran air.

Pada 2020, rakyat Malaysia menggunakan kira-kira 148,000 tan plastik untuk pembungkusan makanan bersamaan dengan purata 16.78 kilogram (kg) pembungkusan plastik setiap orang setahun.

Pengurusan sisa plastik tidak berkesan menimbulkan ancaman besar kepada Malaysia, meletakkan negara dalam kalangan 10 negara teratas di dunia menghadapi isu ini.

Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah sifar penggunaan plastik 2018-2030 mendedahkan bahawa daripada 0.9 juta tan sisa plastik dihasilkan, hampir separuh atau 400,000 kg dilepaskan secara tidak wajar ke perairan Malaysia. Ini bukan sahaja mengancam ekosistem tetapi memburukkan lagi risiko banjir tempatan.

Dalam tempoh hujan berterusan berpanjangan, air banjir memasuki sistem saliran tersumbat menghanyutkan lebih banyak sisa plastik ke dalam sungai. Sungai kemudiannya berfungsi sebagai saluran dan takungan pencemaran plastik.

Ketika air banjir tidak bergerak atau bertakung, pengangkutan plastik berkurangan sebanyak 90 peratus, dengan kebanyakannya terperangkap di sepanjang tebing sungai dan dataran banjir, mengehadkan penyebaran air ke hilir.

Kedua-dua gelombang banjir dan pengangkutan plastik berkurangan di sepanjang sungai, dengan pelepasan minimum sahaja ke lautan.

Namun begitu, ketika banjir besar dengan hujan lebat tanpa henti, risiko plastik dihanyutkan adalah lebih besar. Banjir menyebabkan hakisan dan mengubah paras aliran air, meningkatkan pengangkutan jisim plastik dan memindahkan pencemaran dari sungai ke laut.

Sepanjang tempoh dihanyutkan ini, pencemaran plastik mengalami degradasi dan luhawa, terurai kepada mikroplastik dan berakhir dalam hidupan marin serta mengancam kesihatan manusia melalui proses rantai makanan.

Bahan pencemar baharu

Mikroplastik adalah salah satu bahan pencemar baharu terdapat dalam sumber air atau perairan marin di Malaysia. Ia ditakrifkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai serpihan plastik bersaiz kurang daripada 5.0 milimeter (mm) memasuki sistem sungai melalui pelbagai laluan terutama air larian permukaan, efluen air sisa yang mana kedua-duanya dirawat dan tidak dirawat, efluen industri dan sisa plastik terurai.

Kajian menunjukkan orang ramai menelan kira-kira 5.0 gram (g) plastik setiap minggu, berpotensi mendedahkan mereka kepada bahan kimia berbahaya dikaitkan dengan kerosakan pembiakan, obesiti dan kelewatan perkembangan kanak-kanak.

Walaupun ramai sedar berlakunya pencemaran plastik, masih sedikit menyedari bahaya mikroplastik sebagai 'pembunuh senyap'. Mikroplastik boleh mencemarkan air minuman dan membahayakan hidupan marin di peringkat genetik.

Bahan toksik daripada mikroplastik akan dipindahkan melalui makanan dan udara melalui proses bioakumulasi. Mikroplastik boleh menyebabkan masalah kesihatan, berpotensi menjejaskan

kan sistem pernafasan dan gangguan endokrin. Selain itu, mikroplastik boleh mengubah organisma kecil di dalam tanah, mempengaruhi cara nutrien dikitar semula dan cara tumbuh-tumbuhan. Ini memudaratkan biodiversiti dan berisiko menjejaskan keselamatan air serta makanan.

Strategi mitigasi perlu memberi tumpuan kepada menambah baik pengurusan sisa dan mengurangkan pencemaran plastik di saluran utama seperti sistem perparitan.

Perbadanan Sisa Berjadual (SWCorp) melaporkan kadar kitar semula Malaysia adalah 39.6 peratus ada 2020, yang mana rekod ini masih rendah berbanding negara maju lain.

Kadar kitar semula ditetapkan kepada 40 peratus menjelang 2025, sekali gus menuntut Malaysia perlu mengurangkan pencemaran plastik dengan ketara untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar. Menambah baik pengurusan sisa plastik juga penting untuk mengelakkan intensiti pencemaran plastik di lembangan lautan.

Pemantauan penyelidikan dan perkongsian data mengenai punca utama, sumber dan kesan pencemaran ini penting untuk menetapkan keutamaan pengurusan serta melaksanakan langkah mitigasi.

Pihak berkepentingan mesti sentiasa cakna dan maklum mengenai tahap parah, trend dan strategi saintifik untuk mencegah atau mengurangkan sisa plastik.

Kerajaan harus menaik taraf sistem perparitan dan melaksanakan kaedah baharu untuk menambah baik pengurusan banjir besar termasuk banjir kilat, mengukuhkan daya tahan terhadap hujan lebat.

Dengan mengurangkan pencemaran plastik dan meneruskan usaha penyelenggaraan konsisten, Malaysia bukan sahaja dapat melindungi ekosistem tetapi mengurangkan saliran tersumbat, seterusnya membantu mengurangkan banjir ekstrem Monsun Timur Laut atau banjir kilat di bandar.

Tambahan pula, meminimumkan plastik dalam sistem perparitan dan sungai akan mengurangkan pencemaran mikroplastik di laut.

“Pihak berkepentingan mesti sentiasa cakna dan maklum mengenai tahap parah, trend dan strategi saintifik untuk mencegah atau mengurangkan sisa plastik”

